

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

PEMBIAYAAN INSENTIF MENGEKALKAN KEANGGOTAAN

1. POTONGAN GAJI BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA (BPA)

- a) Anggota mesti mempunyai kemudahan potongan gaji melalui BPA
- b) Jumlah potongan gaji bulanan anggota tidak boleh melebihi 60% dari gajinya termasuk potongan ansuran pembiayaan ini.
- c) Sekiranya gaji bulanan tidak dapat dibuat atas sebab-sebab yang tertentu, penerima biaya adalah bertanggungjawab untuk membuat bayaran secara persendirian kepada koperasi.

2. DOKUMEN – DOKUMEN

- a) Borang Permohonan Pembiayaan Insentif Mengekalkan keanggotaan.
- b) Penyata Gaji 3 bulan terkini yang asal dan salinan kad pengenalan penerima biaya

3. PENJAMIN

Tidak perlu ada penjamin

4. HAD PEMBIAYAAN

a)

TEMPOH KEANGGOTAAN	JUMLAH PEMBIAYAAN	KADAR KEUNTUNGAN
MELEBIHI 3 TAHUN	RM 10000.00	3%
MELEBIHI 5 TAHUN	RM 20000.00	2%

- b) Pesara yang memohon pembiayaan ini mesti ada yuran yang mencukupi sebagai perlindungan.
- c) Pemohon Pembiayaan tidak boleh ada pembiayaan lain dengan KPPK Bhd semasa membuat pembiayaan.
- d) Pemohon yang telah mengeluarkan 80% daripada yuran simpanan tidak layak memohon.

5. KEUNTUNGAN & CAJ PEMBIAYAAN

- a) Caj pemprosesan adalah RM100.00 bagi jumlah RM10000 & RM200.00 bagi jumlah RM10001.00 keatas
- b) Penerima biaya perlu menyumbang kepada Tabung Penebusan pembiayaan.

6. CAJ BAYARAN LEWAT

1% daripada jumlah kerugian sebenar, tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM30.00.

7. TEMPOH BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

36 bulan

8. KUASA ANGGOTA LEMBAGA TERHADAP PEMBIAYAAN

Penerima biaya tidak boleh menuntut sesuatu pembiayaan sebagai suatu hak anggota. Anggota Lembaga berhak menolak sesuatu permohonan pembiayaan atau menghadkan jumlahnya.

9. Penerima biaya akan menanggung pembayaran 1% komisen yang dicaj oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) untuk bayaran ansuran pembiayaan.

10. TARIKH KUATKUASA

01 Julai 2017

11. SYARAT PEMBIAYAAN

- a) Pembiayaan ini boleh dimohon sekali sahaja.



KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
15 JALAN MURAI 2, BATU KOMPLEKS, OFF JALAN SULTAN AZLAN SHAH,
51200 KUALA LUMPUR.

Tel: 03 6258 4572 Fax: 03 6258 4560 Whatsapp: 011-24404572
Website : www.kppkbhd.com Email : info@kppkbhd.com

BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN INSENTIF MENGEKALKAN KEANGGOTAAN

Tarikh :

Kepada,

Setiausaha,

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD.

BUTIR-BUTIR PENERIMA BIAYA (PEMOHON)

Nama Anggota:..... (nama penuh)

No.Anggota : No.K/P Baru : No.K/P Lama :
.....

Tarikh Lahir : Umur : Gaji Pokok :

Alamat Sekolah :No.Tel(Sek) :

Alamat Rumah : No.Tel(Rmh) :

No.Tel(Bimbit) : Email : Tarikh Bersara :

Saya nama seperti di atas ingin memohon pembiayaan sebanyak RM dan bersetuju membayar balik dalam masabulan. Saya memberi kuasa kepada koperasi supaya menguruskan potongan untuk ansuran pembiayaan dan keuntungan melalui potongan gaji sehingga tempoh penghabisan bayaran pembiayaan saya.

Tandatangan Pemohon : Tarikh :

PERHATIAN

Setiap permohonan mesti disertakan dengan Tiga (3)Bulan Salinan Penyata Gaji Terkini yang disahkan oleh Majikan,
Borang Opsyen Umur Persaraan Paksa dan salinan Kad Pengenalan

PERHATIAN :

SILA ISIKAN YANG BERIKUT JIKA PENERIMA BIAYA HENDAK WANG PEMBIAYAAN DI BANKKAN :

NAMA BANK : NO.AKAUN :

Kepada :

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
15 JALAN MURAI 2, BATU KOMPLEKS, OFF JALAN SULTAN AZLAN SHAH,
51200 KUALA LUMPUR.
Tel: 03 6258 4572 Fax: 03 6258 4560 Whatsapp: 011-24404572
Website : www.kppkbhd.com Email : info@kppkbhd.com

AKUAN PENGESAHAN ANSURAN BULANAN BAYARAN SECARA PERSENDIRIAN

Saya.....No Kad Pengenalan :
No Anggota:mempunyai ansuran bulanan seperti berikut:

BIL	BANK/ORGANISASI KEWANGAN/LAIN-LAIN	JENIS PEMBIAYAAN	JUMLAH ANSURAN BULANAN (RM)
1		Kad Kredit	
2		Perumahan	
3		Kenderaan	
4		Perabot	
5			
6			

Saya mengakui dengan sungguh dan sebenarnya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa segala maklumat yang dikemukakan dalam borang ini adalah benar dan lengkap tanpa menyembunyikan sebarang maklumat.
Sekian, terima kasih.

Tandatangan Anggota : Tarikh :



BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN INSENTIF MENGEKALKAN KEANGGOTAAN

PENGAKUAN UNTUK PEMBIAYAAN INSENTIF MENGEKALKAN KEANGGOTAAN

Mengikut kuatkuasa peraturan pembiayaan Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad, saya mengaku dan bersetuju seperti syarat yang ditetapkan di bawah ini :-

- (a) Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan pembiayaan ini dan dokumen-dokumen lain adalah benar tanpa menyembunyikan maklumat yang mungkin mempengaruhi permohonan saya.
- (b) Saya telah membaca dan memahami peraturan bagi skim pembiayaan Insentif Mengekalkan Keanggotaan dan bersetuju mematuhi syarat-syarat tersebut.
- (c) Saya dengan sesungguhnya berjanji akan membayar balik pembiayaan saya sehingga selesai melalui potongan gaji saya yang dilakukan oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA pada setiap bulan mengikut undang-undang kecil Koperasi.
- (d) Sekiranya potongan tidak dilakukan melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA untuk sesuatu sebab yang tertentu, saya akan bertanggungjawab membuat pembayaran secara persendirian kepada Koperasi sebelum 10 haribulan yang berikutnya.
- (e) Saya juga memberi kuasa kepada Koperasi untuk mengambil tindakan mendapatkan balik amaun yang terhutang dengan menyelaraskan dari kredit yuran saya.
- (f) Saya bersetuju membayar tunggakan keuntungan dan denda 1% daripada jumlah kerugian sebenar, tertakluk kepada minima RM 10.00 dan maksima RM 30.00 bagi setiap ansuran yang lewat atau tidak dibayar.
- (g) Saya berjanji jumlah potongan termasuk potongan pembiayaan ini tidak akan melebihi 60% dari gaji bulanan saya.
- (h) Kaedah pengiraan potongan gaji bagi tujuan pembiayaan mengambilkira jumlah bayaran balik bagi kesemua pembiayaan seseorang anggota.(iaitu merangkumi pembiayaan dibawah skim Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) dan di luar BPA).
- (i) Pada penghujung tempoh di mana bayaran pembiayaan dilanjutkan untuk sesuatu sebab tertentu keuntungan akan dikenakan setelah tamat tempoh masa tarikh pembiayaan.
- (j) Saya dengan ini memberi kuasa kepada Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad untuk mendapatkan dan mengesahkan maklumat tentang saya daripada majikan saya, mana-mana institusi Kewangan, Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai, untuk apa sahaja maklumat yang diperlukan oleh Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad.
- (k) Saya bersetuju tidak akan berhenti dari menjadi anggota Koperasi ini sehingga pembiayaan ini selesai.
- (l) Sekiranya saya meletak jawatan atau menamatkan tempoh perkhidmatan dengan majikan oleh apa jua sebab, sebelum habis melunaskan baki pembiayaan, jumlah yang sama harus dibayar terus kepada Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad. Saya berjanji akan menjelaskan baki pembiayaan sebelum tarikh berkuatkuasa tamat tempoh perkhidmatan dengan majikan.
- (m) Saya juga bersetuju mematuhi segala aturan pembiayaan ini.

Yang benar,

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :



PERJANJIAN PEMBIAYAAN INSENTIF MENGEKALKAN KEANGGOTAAN

Saya..... (Nama penuh) seorang anggota Koperasi
Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad (KPPK Bhd) yang tersebut di atas, telah mengambil pembiayaan daripada
KPPK Bhd sejumlah:

JENIS KOMODITI	Telco Airtime
JUMLAH KOMODITI	(Seperti dinyatakan pada Dokumen Jual Beli Komoditi dalam Sistem Tawarruq ANGKASA)
HARGA JUALAN	
HARGA BELIAN	

Saya bersetuju akan membayar amaun itu melalui Biro Perkhidmatan Angkasa sebanyak RM..... ansuran
bulanan.

**Sekiranya potongan gaji saya tidak dapat dijalankan pada masa akan datang, saya berjanji akan memulangkan jumlah
pembiayaan yang terhutang kepada KPPK Bhd.**

Dengan ini saya juga bersetuju untuk diambil tindakan undang-undang sekiranya saya ingkar.

Tandatangan Pemohon : *Tandatangan Saksi :
Nama Pemohon : Nama Saksi :
No K/P : No K/P :
Tarikh : Tarikh :

*** Saksi tidak semestinya anggota KPPK BHD**

KEGUNAAN PEJABAT

No.Anggota : Jumlah Saham: Jumlah Yuran :
Diproses Oleh : Disemak Oleh : Tarikh disediakan :
Baucer Disediakan Oleh : Tarikh Baucer : No.Baucer :
Baucer & Cek telah diposkan / diambil oleh penerima biaya sendiri / dibankkan pada :
Potongan akan dilakukan melalui Biro Potongan Angkasa / NUTP (STAFF) dari bulan sehingga bulan
.....



KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD
15, JALAN MURAI DUA, BATU KOMPLEKS OFF JALAN SULTAN AZLAN
SHAH, 51200 KUALA LUMPUR.

TEL: 03- 62584572

FAX: 03- 62584560

WHATSAPP: 011-24404572

LAMAN WEB: www.kppkbhd.com

EMAIL: info@kppkbhd.com

Perakuan Pelantikan Wakil Untuk Lafaz '*Aqd (Akad) Tawarruq*

Diisi oleh Ahli / Penerima Biaya :

Adalah dengan ini saya bersetuju melantik ALK / Pengurusan Koperasi ini bagi mewakili saya untuk melafazkan '*Aqd Tawarruq* terhadap pembiayaan saya.

Yang benar,

.....

(Ahli / Penerima Biaya)

Diisi oleh ALK / Pengurusan Koperasi :

Adalah dengan ini saya bersetuju menerima Perlantikan Wakil Lafaz '*Aqd Tawarruq* seperti yang tertera di atas.

Yang benar,

.....

(ALK / Pengurusan Koperasi)

KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA Dan EXPERIAN INFO

PENDEDAHAN

Pemohon dengan ini membenarkan **KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD / ANGKASA** dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat berhubung dengan akaun SPGA / beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini;

Pemohon dengan ini membenarkan **KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD / ANGKASA** dan / atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada **EXPERIAN Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. (“EXPERIAN”)** dan pelanggan **EXPERIAN** termasuk Bank / Institusi kewangan, syarikat yang perlu ; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada EXPERIAN bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada **KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD/ANGKASA** dan / atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut Akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun/pinjaman/kredit/apa-apa transaksi dengan organisasi.

Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada :-

- Pembukaan akaun
- Penialian / Pemarkahan kredit,
- Kredit / Semakan akaun
- Kredit / Pemantauan akaun
- Kedudukan / Pemantauan akaun individu,
- Tujuan pemulihan hutang,
- Dokumentasi undang-undang dan/atau tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi.

KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD / ANGKASA / EXPERIAN tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

TAMBAHAN	
<u>TANDATANGAN PEMOHON</u>	<u>DISAKSIKAN OLEH WAKIL ORGANISASI</u>
Nama seperti di Kad Pegenalan:	Nama seperti di Kad Pegenalan(wakil):
No. K/P:	No. K/P: Serta Cop Rasmi Organisasi
TARIKH:	TARIKH: